



KEMENTERIAN KERJA RAYA

KENYATAAN MEDIA

HOSPITAL LAWAS PERKUKUH AKSES PERKHIDMATAN KESIHATAN RAKYAT

LAWAS, SARAWAK – YB Dato' Sri Alexander Nanta Linggi, Menteri Kerja Raya, akan melakukan Lawatan Kerja Rasmi ke Lawas, Sarawak bagi menyempurnakan Majlis Penyerahan Projek Siap Cadangan Pembinaan Hospital Lawas (76 Katil) Lawas, Sarawak (Reka dan Bina) Fasa 2B: Kerja Bangunan dan Kerja-Kerja Berkaitan – Tender Semula pada 14 September 2026 (Isnin) di Hospital Lawas, Sarawak.

2. Majlis ini turut dihadiri oleh YB Dato' Hajjah Hanifah Hajar Taib, Timbalan Menteri Kesihatan Malaysia; YB Datuk Amar Haji Awang Tengah bin Ali Hasan, Timbalan Premier Sarawak merangkap ADUN N.82 Bukit Sari, Lawas; YB Datuk Haji Hasbi bin Haji Habibollah, Timbalan Menteri Pengangkutan Malaysia merangkap Ahli Parlimen P.221 Limbang; serta barisan pemimpin Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Sarawak.

3. Penyerahan projek ini merupakan satu pencapaian penting dalam usaha Kerajaan menyediakan kemudahan kesihatan yang lebih baik, moden, selamat dan berkualiti kepada rakyat, khususnya penduduk di Lawas dan kawasan sekitarnya. Hospital Lawas berkapasiti 76 katil ini diharapkan dapat meningkatkan keupayaan penyampaian perkhidmatan kesihatan serta memperluas akses rakyat kepada perkhidmatan kesihatan yang berkualiti.

4. Projek ini dilaksanakan oleh Pasukan Projek Khas 2, Jabatan Kerja Raya Malaysia, bermula pada 30 Jun 2020 melalui kaedah Reka dan Bina, dengan MCS Management Sdn. Bhd. sebagai kontraktor yang dilantik. Projek ini melibatkan peruntukan keseluruhan sebanyak RM183 juta.

5. Kerajaan berharap dengan siapnya Hospital Lawas, masyarakat setempat akan memperoleh akses kepada kemudahan kesihatan yang lebih baik, selesa dan berkualiti tinggi. Hospital ini juga diharapkan menjadi pemangkin kepada peningkatan kualiti perkhidmatan kesihatan di Lawas serta mencerminkan keprihatinan dan komitmen Kerajaan terhadap keperluan serta kesejahteraan rakyat.

6. KKR turut merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan projek ini, khususnya Pasukan Projek Khas 2, Jabatan Kerja Raya Malaysia, Ketua Pasukan Projek dan Ketua Pasukan Reka Bentuk Jabatan Kerja Raya, MCS Management Sdn. Bhd. selaku kontraktor utama serta pasukan perunding profesional. Kejayaan menyiapkan projek ini adalah hasil kerjasama dan komitmen semua pihak yang terlibat.

7. Sehubungan itu, pihak kontraktor diingatkan supaya terus melaksanakan amanah dan tanggungjawab sepanjang Tempoh Tanggungan Kecacatan (Defect Liability Period – DLP), termasuk mengambil tindakan segera terhadap sebarang aduan kecacatan yang diterima. Jabatan Kerja Raya pula akan terus memantau aspek penyelenggaraan pasca penyerahan bagi memastikan projek kekal berfungsi dengan baik serta memenuhi spesifikasi yang telah ditetapkan.

8. Kementerian Kerja Raya dan Jabatan Kerja Raya kekal komited dalam memastikan projek-projek pembangunan infrastruktur awam yang berimpak tinggi dapat disiapkan dan diserahkan untuk manfaat rakyat. Hospital Lawas diharapkan terus memberikan manfaat besar kepada masyarakat serta menjadi salah satu mercu tanda kesejahteraan rakyat di Lawas dan kawasan sekitarnya.

#Tamat#

KEMENTERIAN KERJA RAYA
14 SEPTEMBER 2026

#KearahKesejahteraanRakyat
#JasaKepadaRakyat
#MYJALAN
#TangkasBertindak
#KerajaanMADANI



K E M E N T E R I A N K E R J A R A Y A

KENYATAAN MEDIA